

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 2 DISEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 46

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1433-L11374
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan lima (5) kedudukan sektor ekonomi berdasarkan ranking yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara serta apakah sektor yang banyak membantu pertumbuhan ekonomi negara semasa COVID-19.

2. PR-1433-L10287
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jenis perlindungan dan bantuan yang disediakan oleh Kementerian untuk golongan warga emas yang merupakan golongan yang berisiko tinggi terhadap penularan COVID-19.

3. PR-1433-L10924
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menaik taraf jalan persekutuan Pasir Pekan-Pasir Mas Kelantan yang mengalami banyak kerosakan dan membahayakan pengguna.

4. PR-1433-L11320
Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan satu dasar rasmi untuk menubuhkan sistem dan prosedur dalam Kerajaan untuk memberi perlindungan kepada pemberi maklumat (*whistle blowers*) yang bertindak dengan niat baik (*in good faith*) di dalam perkhidmatan awam, semua agensi dan GLC milik Kerajaan.

5. PR-1433-L10247
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa sumbangan pergerakan koperasi dalam negara kepada KDNK.
6. PR-1433-L10666
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menjelaskan mengapa dasar '*blanket ban*' dilaksanakan di bulan September untuk semua warganegara daripada negara yang mempunyai kes COVID mencecah 150,000 kes termasuk mereka yang mempunyai permit masuk negara yang sah seperti pemegang MM2H dan pekerja "*expat*".
7. PR-1433-L10892
Tuan Shahrizukir bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mekanisme perancangan Kementerian bagi menangani impak besar pengurangan pekerja asing dalam sektor perladangan.
8. PR-1433-L10788
Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah inisiatif Kementerian Pelancongan untuk mempertahankan imej Bukit Fraser sebagai tempat habitat burung yang terkenal '*International Bird Race*' dan bangunan *Little English* serta keadaan alam semula jadi. Baru-baru ini beberapa orang penduduk asal, peniaga Bukit Fraser dan NGO membantah pembinaan hotel baru 15 tingkat di sana.
9. PR-1433-L10539
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua jumlah dan nama dana meningkatkan ekonomi Bumiputera yang disediakan kepada semua Kementerian. Setakat manakah dana itu digunakan dan jumlah Bumiputera yang mendapat manfaat.
10. PR-1433-L10410
Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah strategik yang telah dan akan diambil bagi membantu secara holistik golongan usahawan '*super micro-credit*' (contoh peserta Amanah Ikhtiar Malaysia) semasa tempoh penanguguhan bayaran moratorium yang telah tamat akhir September 2020 dan pasca tempoh tersebut.

11. PR-1433-L10415
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah pencapaian Program Aku Janji Sifar Lubang (*Pothole*) Kementerian.
12. PR-1433-L10646
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kos yang terlibat dalam pengendalian KBS Fit & Active #2 dan usaha Kementerian dalam menggalakkan orang ramai mengamalkan gaya hidup aktif selain daripada '*virtual workout*' memandangkan situasi COVID-19 sudah bertambah baik di sesetengah kawasan di Malaysia.
13. PR-1433-L11249
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah metodologi yang digunakan untuk semakan Paras Garis Kemiskinan yang dipinda daripada RM980 kepada RM2208 dan apakah tindakan Kerajaan dalam mengatasi jumlah golongan miskin yang meningkat kesan daripada semakan Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang dibuat baru-baru ini.
14. PR-1433-L10774
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
 - (a) apakah mekanisme pelaksanaan kenaikan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang akan dinaikkan kepada RM1,000 seperti mana yang diumumkan oleh Perdana Menteri; dan
 - (b) apakah kewajaran dan kesan sosial serta ekonomi peningkatan tersebut.
15. PR-1433-L10543
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan perkembangan e-Dagang ketika wabak COVID-19 dan program-program baru Kementerian bagi menggiatkan e-Dagang terutama di kalangan bangsa usahawan Bumiputera.

16. PR-1433-L10129
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan untuk menangani kehadiran pelarian Filipina di Sabah yang sudah berada di Sabah sejak tahun 1970-an.

17. PR-1433-L11274
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bentuk remedi kesan penderaan emosi yang disediakan oleh undang-undang secara terperinci memandangkan statistik kesihatan mental akibat keganasan rumahtangga yang amat tinggi.

18. PR-1433-L10861
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian telah melaksanakan kajian kemungkinan tentang lebuh raya alternatif, pembesaran serta penyuraian trafik yang semakin padat di Lebuhraya KL-Karak.

19. PR-1433-L10370
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kaedah bagi membantu industri perhotelan, penerbangan, *homestay* serta tempat-tempat rekreasi yang terjejas teruk semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat penularan COVID-19 ini di mana industri-industri ini terpaksa menstruktur semula dan mengurangkan pekerja mereka.

20. PR-1433-L10398
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah kelahiran anak bagi isi rumah kategori B40, M40 dan T20 dalam pecahan etnik dan negeri serta jumlah yang akan dikategorikan sebagai golongan miskin berdasarkan Paras Garis Kemiskinan terkini.

21. PR-1433-L11047
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kerugian yang dialami oleh sektor pelancongan akibat penularan COVID-19. Sebelum ini, sektor pelancongan menyumbang lebih kurang 15% GDP negara. Berapa jumlah hotel yang telah gulung tikar dan apakah tindakan Kementerian untuk membantu industri perhotelan yang amat terjejas kerana pandemik ini.

22. PR-1433-L10709
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi Petronas yang merosot, impak kepada negara dan sama ada benar tawaran jawatan Pengerusi Petronas kepada YB Gua Musang berdasarkan satu transaksi politik yang akan menjejaskan keyakinan pasaran kepada Petronas.
23. PR-1433-L11063
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pelan Kementerian bagi menyelamatkan sektor industri pelancongan yang berada pada tahap kritikal akibat pandemik COVID-19.
24. PR-1433-L10520
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah pencegahan dalam menggunakan kanak-kanak untuk mendapatkan sumbangan orang ramai yang berselindung di sebalik nama sekolah tahfiz dan sebagainya.
25. PR-1433-L10406
Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan benarkah kenyataan umum oleh rakyat yang mengatakan bahawa Kerajaan gagal menangani wabak COVID-19 yang berpunca dari PRN negeri Sabah baru-baru ini.
26. PR-1433-L10329
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah persempadanan kawasan pilihan raya di sebelah kiri Lebuh Raya SPA di Sungai Udang boleh dikaji semula kerana penduduk sering meminta bantuan dan khidmat dari Parlimen Tangga Batu kerana lokasi yang berhampiran.
27. PR-1433-L11151
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membendung perkahwinan kanak-kanak serta apakah status Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur, jawatankuasa PEMANDU dan apakah usaha Kerajaan terhadap 7 negeri yang tidak bersetuju untuk menetapkan 18 sebagai had umur perkahwinan dan nyatakan bilangan perkahwinan di bawah umur 18 yang berlangsung di mahkamah sivil dan mahkamah Syariah dari bulan Januari 2020 sehingga kini dan di mana.

28. PR-1433-L10699
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap anggota kabinet Kerajaan yang melanggar PKP terutama semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.
29. PR-1433-L11111
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan kes antara PT Eagle High Plantations dan Lembaga FELDA di Prosiding Timbang Tara di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Singapura dan apakah langkah selanjutnya yang akan diambil oleh pihak FELDA.
30. PR-1433-L10497
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan sama ada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya akan membenarkan pengundian pos untuk pengundi luar kawasan yang berada di dalam negara atau negara jiran seperti Indonesia, Singapura, dan Brunei.
31. PR-1433-L10858
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek jalan raya Central Spine Road (CSR) Pakej 2-5; dari Gua Musang, Kelantan ke Bentong, Pahang akan siap sepenuhnya dan bilakah Pakej 6 dari Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang akan dimulakan pembinaannya.
32. PR-1433-L10450
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik mereka yang pulang dari luar negara sejak pelaksanaan PKP dan berapa antara mereka telah didakwa akibat daripada ketidakpatuhan Perintah PKP khususnya perintah kuarantin wajib.
33. PR-1433-L11253
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan dalam usaha dekriminasi membunuh diri serta pindaan atau memansuhkan Seksyen 309 Kanun Kesiksaan yang menghukum mereka yang terselamat dari cubaan membunuh diri akan menjalani hukuman penjara sehingga setahun, denda atau kedua-duanya sekali jika disabit kesalahan.

34. PR-1433-L10886
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program pembangunan peneroka yang dilaksanakan di Felda Bukit Rokan. Sejauh mana ia telah dilaksanakan, berapa kos yang telah dibelanjakan dan manfaat yang telah diperoleh oleh peneroka.
35. PR-1433-L10134
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah status pelaksanaan Projek Naik Taraf Jalan Berungis, Tuaran yang melibatkan peruntukan RM159 juta.
36. PR-1433-L10338
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran-butiran penubuhan Majlis Khas Mengenai Malaysia Agreement 1963 (MA63) yang dipersetujui dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 September 2020 dan diumumkan pada 16 September 2020 di Sibul, Sarawak. Apakah komposisi dan terma syarat Majlis Khas tersebut.
37. PR-1433-L10504
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk merangka satu platform e-petisyen bagi membolehkan Dewan Rakyat untuk menerima petisyen umum daripada rakyat untuk dibahaskan seperti mana di UK.
38. PR-1433-L10585
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Parlimen Teluk Intan, dari tahun 2008 hingga 2020, dengan pecahan setiap tahun, kategori penerima bantuan serta jumlah peruntukan yang terlibat.
39. PR-1433-L10996
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan teknologi baru dan dalam talian (*online*) untuk perbicaraan kes-kes Mahkamah di seluruh negara. Apakah rancangan tersebut, bagaimana ianya berfungsi, jumlah dana yang diketepikan untuk perkara ini dan status perlaksanaannya.
40. PR-1433-L11160
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan strategik bagi memperkasakan mahkamah syariah menerusi pindaan Akta 355 dan apakah langkah-langkah bakal diambil selepas ini.

41. PR-1433-L10343
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbezaan di antara SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor dan SOP PKPB seluruh negeri Sabah yang dikeluarkan pada 14 Oktober 2020 oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Nyatakan justifikasi perbezaan tersebut, terutamanya bagi menjalankan aktiviti ekonomi.
42. PR-1433-L11070
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah terbaru yang di ambil oleh Kementerian dalam menaikkan harga komoditi getah dan kelapa sawit dan apakah program bantuan untuk pekebun kecil yang terlibat dalam komoditi ini dan senaraikan pasaran negara baru yang membeli komoditi ini dari Malaysia.
43. PR-1433-L10460
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan langkah Kerajaan dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya daripada kemalangan melibatkan pembinaan atau pembaikan jalan seperti yang berlaku di Jalan Sungai Besi baru-baru ini.
44. PR-1433-L11387
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci perancangan yang telah dan bakal dilaksanakan untuk mengaktifkan semula sektor perlombongan berorientasikan gas dan petroleum serta sektor pertanian berorientasikan kelapa sawit di negeri Sabah dan unjuran sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kedua-dua sektor ini dari negeri ini kepada Malaysia bagi tahun ini.
45. PR-1433-L10835
Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) asal-usul kluster Sabah COVID-19 semasa dan sama ada terdapatnya hubung kait dengan negara jiran kita; dan
 - (b) apakah langkah tambahan yang akan diambil untuk meningkatkan rondaan sempadan air dan darat untuk menyekat pengimportan COVID-19.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2021 (D.R.16/2020) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 seperti berikut :-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (1 Disember, 2020)

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R 17/2020) | Rang Undang-undang Kewangan 2020

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R 18/2020) | Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020

[Menteri Kewangan] | " |
| 4. | (D.R 11/2020) | Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 – Menyambung semula perbincangan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (5 November, 2020)

[Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] | |
| 5. | (D.R 13/2020) | Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 6. | (D.R 14/2020) | Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020

[Menteri Sumber Manusia] | " |

7. (D.R 15/2020) Rang Undang-undang Lembaga Angka **Bacaan Kali
Malaysia 2020 Yang Kedua**

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

8. (D.R 12/2020) Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas "
Tatakelakuan Polis 2020

[Menteri Dalam Negeri]

9. PR-1433-U(27)141
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbabit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."

[Perdana Menteri]

10. PR-1433-U(27)144
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."

[Perdana Menteri]

11. PR-1433-U(27)145
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangi berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebarkan sesuatu berita."

[Perdana Menteri]

12. PR-1433-U(27)146

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."

[Menteri Alam Sekitar Dan Air]

13. PR-1433-U(27)147

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

14. PR-1433-U(27)148

Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."

[Menteri Kesihatan]

15. PR-1433-U(27)149

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Dalam Negeri]

16. PR-1433-U(27)150

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."

[Menteri Kewangan]

17. PR-1433-U(27)152

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

18. PR-1433-U(27)164

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1433-U(27)166

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1433-U(27)135

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendatang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendatang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut :

Tahun	Sabah	Sarawak
1951	334,141	
1960	454,561	
1970	636,431	976,269
1980	929,299	1,235,553
1991	1,734,685	1,642,771
2000	2,449,389	2,012,616
2005	3,313,000	2,340,000
2010	3,330,000	2,560,000

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sahiah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

[Menteri Dalam Negeri]

21. PR-1433-U(27)136

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasi impian Malaysia."

[Menteri Perpaduan Negara]

22. PR-1433-U(27)137

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

23. PR-1433-U(27)138

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kubang Pasu untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

24. PR-1433-U(27)165

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan ini mengambil ketetapan menyatakan kepercayaan penuh dan berikrar kesetiaan yang tidak berbelah-bagi terhadap Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan.

Bahawasanya Dewan ini berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya- kepada beliau bagi melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan sebaiknya. Negara memerlukan kestabilan dan perpaduan erat di semua peringkat dalam mengharungi ujian penularan semula pandemik Covid-19. Usaha yang bersungguh-sungguh amat diperlukan bagi memulihkan ekonomi negara dan membela nasib seluruh rakyat yang begitu teruk terjejas akibat wabak."

[Perdana Menteri]

25. PR-1433-U(27)140

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

26. PR-1433-U(27)139

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Jerlun untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26 (1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27 (3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh Tidak Mempunyai Keyakinan Majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

27. PR-1433-U(27)142

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] akan mencadangkan :-

